

MOSTI komited perkara agenda STI di Sabah, Sarawak

UB 05.08.2024 P.03

Kementerian kini berusaha membawa pengalaman penerokaan dan pembelajaran STEM kepada masyarakat setempat

Oleh Ruziah Samadin

LAHAD DATU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited dalam usaha merakyatkan sains dalam kalangan masyarakat terutamanya bagi golongan pelajar di negara ini.

Timbalan Menteri MOSTI Datuk Mohamad Yusof Apda berkata, pihaknya kini berusaha membawa pengalaman penerokaan dan pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada masyarakat setempat.

Katanya, ia bertujuan meningkatkan minat, pemahaman serta kemahiran dalam bidang ini menerusi pameran interaktif dan aktiviti sains yang menyeronokkan bagi memperkasa agenda STEM negara.

"Kita akan sentiasa melaksanakan pelbagai program dan inisiatif berteraskan rangka kerja Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi (DSTIN) 2021-2030.

"Usaha ini bagi memperkukuh dan memantap peranan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sebagai asas dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan majlis pelancaran Kembera Sains Borneo (KSB) 2024 di Dewan Sri Perdana, Lahad Datu.



UCAPAN: Yusof menyampaikan ucapan perasmian dalam majlis berkenaan.

Lahad Datu di sini, pada Jumaat.

Menurutnya, KSB 2024 di bawah inisiatif Minggu Sains Negara (MSN), MOSTI melalui Pusat Sains Negara (PSN) membawakan pengalaman pembelajaran sains bukan formal yang menyeronokkan khusus untuk komuniti di Sabah dan Sarawak.

Yusof berkata, ia dianjurkan dengan kerjasama padu rakan-rakan strategik terdiri daripada agensi kerajaan dan



PENERANGAN: Yusof dan Ruziah mendapat penerangan daripada pegawai yang menyertai program KSB di Lahad Datu.

swasta serta rakan penasihat utama program, iaitu Hibiscus Petroleum Berhad.

Katanya, kerjasama strategik PSN dan Hibiscus Petroleum Berhad mencerminkan dedikasi serta komitmen sektor swasta bagi menyokong inisiatif kerajaan menyemarakkan pembangunan STI dalam kalangan masyarakat.

"Inisiatif ini juga dapat membuka peluang baharu dalam pendidikan sains dan teknologi serta lebih banyak program interaktif dan pameran inovatif dapat dianjurkan.

"Selain itu, dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna kepada rakyat, sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan

STI dalam memacu kemajuan negara," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI Ruziah Shafei berkata, KSB 2024 akan menjelajah daerah di Sabah dan Sarawak untuk berjumpa pelajar terutamanya yang berada di luar bandar atau pedalaman.

Katanya, ia bertujuan supaya semua pelajar-pelajar di Borneo dapat merasai apa yang disediakan oleh kerajaan di Kuala Lumpur seperti PSN.

"Sebab itu, tahun ini inisiatif kita diluaskan untuk Sabah dan Sarawak dengan mengunjungi lebih 20 buah sekolah untuk memberi manfaat kepada kira-kira 15,000 peserta.

"KSB 2024 ini sebenarnya lebih menjurus kepada program secara fizikal supaya mereka dapat merasai sains itu menarik untuk dilaksanakan dalam kehidupan seharian," katanya.

Ruziah berkata, program



LAWAT: Yusof melawat dan mencuba salah satu peralatan sains yang dipamerkan dalam program berkenaan.



HADIR: Antara pelajar di daerah Lahad Datu yang hadir menyertai dan memeriahkan program KSB Lahad Datu.

kali ini juga turut bekerjasama dengan beberapa universiti terutamanya Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Akademi Sains Malaysia (ASM). Menurut Ruziah, pengisian tahun ini ditambah dengan kehadiran sains yang akan berkongsi pengalaman dalam membawa sains dalam kehidupan mereka.

"Pengisian ini kita akan penuh di setiap sekolah selari dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mahukan kehadiran sains ke sekolah-sekolah untuk berkongsi pengalaman mereka.

"KBS ini juga akan dijadikan sebagai program tahunan dan kita akan merancang untuk

melibatkan lebih banyak penyertaan sekolah di Sabah dan Sarawak," katanya.

Terdahulu, antara aktiviti yang akan diadakan sepanjang perjalanan KSB 2024 adalah sesi Ceritera Sebelak Ratus daripada saintis-saintis terkenal, Kinect Sports, Drone Challenge, Demonstrasi Sains, Let's Experiment, STEM Challenge, Mini Planetarium, Planet Virtual Reality dan banyak lagi.

Turut hadir, Setiausaha Tetap MOSTI Datuk Mohd Haniffah Mohd Kassim, Pengarah Pusat Sains Negara Mohamad Fuad Rahman dan Pengerusi Hibiscus Petroleum Berhad Zainul Rahim Mohd Zain.

"Selain itu, dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih menarik dan bermakna kepada rakyat, sekali gus meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan STI dalam memacu kemajuan negara."